

ARKIB : 04/12/2009

MARDI hasilkan klon salak berkualiti

Oleh KHAIRUNNISA SULAIMAN

BUAH salak boleh dikategorikan sebagai tanaman eksotik yang semakin popular ditanam terutama di sebelah Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Permintaan terhadap buah salak yang semakin meningkat memberikan peluang kepada petani untuk menambahkan pendapatan.

Bagaimanapun pada masa ini, perkembangan industri salak agak terbantut ekoran kekurangan bekalan bahan tanaman bermutu.

Kaedah tanaman salak masa kini masih menggunakan biji benih tetapi kaedah ini menghasilkan kadar pokok berkualiti yang rendah dan tidak seragam.

Justeru Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menjalankan kajian bagi mendapatkan tanaman salak yang berkualiti.

Variasi

Pegawai Penyelidik Kanan, Stesen Penyelidikan MARDI Jerangau, Terengganu, **Hashim Abu Bakar** berkata, penggunaan biji benih menyebabkan berlakunya variasi pada warna kulit, saiz, bentuk buah dan isinya.

"Kajian menunjukkan penggunaan bahan tanaman tampang memastikan jantina pokok salak serta penghasilan kualiti buah yang tinggi dan seragam," katanya semasa ditemui di Ibu pejabat MARDI, Serdang, Selangor.

Hashim berkata, kajian yang dijalankan bermula sejak tahun 1990, memberikan penekanan kepada dua aspek utama iaitu membangunkan teknik pembiakan salak serta memilih dan menilai baka salak tempatan yang terbaik.

Sejak daripada tarikh berkenaan, pelbagai teknik pembiakan tanaman salak telah berjaya dihasilkan.



hashim abu bakar menunjukkan klon salak baru serta produk hiliran salak yang berpotensi dikomersialkan.

"Teknik pembiakan tampang yang dihasilkan termasuk penggunaan anak sulur, teknik keratan batang, teknik belahan dan teknik aruhan.

"Teknik aruhan merupakan teknik pembiakan salak yang terkini dan telah disyorkan bagi membiak salak terpilih untuk tujuan penilaian," katanya.

Kajian yang dijalankan sejak 19 tahun lalu berjaya menghasilkan tiga klon terbaik yang dikenali sebagai Salak Terengganu iaitu ST1, ST2 dan ST3.

Teknik aruhan dilakukan berasaskan konsep '*removal of apical dominance*' dengan membunuh sel-sel meristem pokok induk untuk menggalakkan pengeluaran sulur menggunakan minyak diesel.

Pokok induk, jelas Hashim, merupakan pokok salak yang telah dikenal pasti jantina dan kualiti.

"Pokok induk yang dipilih harus menepati syarat seperti berusia enam hingga lapan bulan, saiz batang dua hingga tiga sentimeter (cm) dan ketinggian 20 hingga 30 cm." katanya.

Proses aruhan dilakukan dengan mencabut pucuk baru pokok induk bagi membuka ruang untuk dua titik minyak diesel.

Titisan minyak diesel cukup untuk mematikan sel di bahagian meristem dan membantutkan pertumbuhan pokok induk.

Pokok induk

Dalam masa yang sama, jelas Hashim, sulur baru akan keluar dan pokok induk akan mula mengeluarkan lima hingga 10 sulur dalam masa dua hingga tiga bulan selepas diaruh.

Sulur yang telah berakar dan berusia empat hingga enam bulan kemudiannya dipisahkan daripada pokok induk.

"Semua baka yang terpilih dinilai sebagai berpotensi dan sesuai ditanam secara komersial dan usaha perlu dijalankan bagi membiakkan klon ini dan disebar kepada petani untuk dikomersialkan," katanya.

Pada keseluruhannya ketiga-tiga klon baru ST1, ST2 dan ST3 adalah lebih berkualiti berbanding dengan salak tempatan yang dibiak melalui biji benih.

Di samping menghasilkan buah yang seragam, kualiti buah yang dihasilkan jauh lebih baik.

Rasa buah lebih manis dengan isi lebih tebal. Klon ST ini mempunyai cita rasa tiga dalam satu manis, masam dan sedikit kelat serta mempunyai isi yang lebih tebal dan berjus.

Keistimewaan salak klon ini adalah semua bahan tanaman dikeluarkan adalah pokok betina.

Ini dapat menjamin peningkatan hasil berbanding penggunaan biji benih tempatan.